



TERBITAN  
62

2023  
03 FEB

# SUARANADI

PENANG INSTITUTE

## Paul Celan: Melawan Kehilangan Dengan Bahasa

Pauline Fan

### SIDANG REDAKSI

Penasihat:  
**Ooi Kee Beng**

Penyunting:  
**Izzuddin Ramli**

Penolong Penyunting:  
**Sheryl Teoh**  
**Lokman Redzuan**

Pereka Grafik:  
**Nur Fitriah**

© Hak cipta adalah milik pengarang.

Segala fakta dan pendapat adalah di bawah tanggungjawab pengarang. Pandangan dan tafsiran pengarang tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini adalah dengan izin pengarang.

**PENANG**  
INSTITUTE  
making ideas work

10 Brown Road  
10350 George Town  
Penang, Malaysia

(604) 228 3306  
[www.penanginstitute.org](http://www.penanginstitute.org)  
[suaranadi@penanginstitute.org](mailto:suaranadi@penanginstitute.org)

ADA teman yang suka bercanda bahawa saya asyik tergoda dengan penulis Jerman yang sudah mati. Barangkali ada benarnya. Pertama kali saya jatuh cinta dengan sastera berbahasa Jerman adalah di dalam perpustakaan peribadi ayah, mendiang Fan Yew Teng. Ayah merupakan seorang pembaca yang tegar, biarpun ketika hayatnya beliau banyak mengabdikan diri kepada rakyat.

Antara novel terawal yang sempat saya ambil daripada rak buku ayah adalah *Death in Venice* oleh Thomas Mann. Karya tersebut bercerita tentang watak utama, Gustav von Aschenbach, seorang penulis yang sedang melalui kepayahan hidup kemudian bertemu dan terpesona dengan kecantikan seorang remaja lelaki yang bernama Tadzio. Kecantikan Tadzio seolah-olah lambang kepada suatu kesempurnaan yang mustahil. Saya terpegun dengan psikologi watak-watak dan persekitaran kota Venice yang Thomas Mann gambarkan di dalam novelnya itu—penuh dengan keindahan dan suasana romantis, tetapi dalam masa yang sama dihantui oleh kesakitan.

Karya-karya berbahasa Jerman lain yang turut meninggalkan kesan mendalam kepada saya sewaktu remaja adalah karya agung Franz Kafka iaitu *Metamorphosis* dan

novel-novel Hermann Hesse terutamanya *Demian*, *Narcissus and Goldmund*, dan *Steppenwolf*.

Sewaktu menginjak usia dewasa, setelah pulang ke Malaysia selepas menamatkan pengajian pada peringkat sarjana muda di Universiti New York, saya dipertemukan dengan puisi-puisi seorang lagi penulis Jerman iaitu Paul Celan oleh teman saya Eddin Khoo. Beliau menghadiahkan saya sebuah buku puisi Celan terjemahan bahasa Inggeris oleh Michael Hamburger. Melalui terjemahan Hamburger saya menyedari ada sesuatu yang bermisteri, luar biasa, dan tidak terjangka dengan Celan.

Dalam buku kumpulan puisi itu, puisi-puisi terjemahan bahasa Inggeris dan bahasa asal iaitu Jerman diletakkan secara bersebelahan. Jadi, ketika membacanya dalam bahasa Inggeris, saya sering menjeling ke arah bahasa Jerman yang masih terlalu asing buat saya pada waktu itu. Namun, hanya ketika membaca Celan saya merasakan bahawa tidak cukup kalau membaca karya-karya berbahasa Jerman dalam bahasa pengantar sahaja. Saya ingin benar-benar mendakap bahasanya dan menyelami semangat yang terkandung di dalamnya.

Pada awal tahun 2000-an, saya mengambil keputusan untuk menekuni bahasa Jerman di Goethe-Institut Kuala Lumpur. Antara impian utama saya adalah untuk membaca puisi Celan dalam bahasa asalnya. Beberapa tahun kemudian, saya melanjutkan pelajaran pada peringkat Sarjana di Universiti Oxford dalam bidang Sastera Jerman Moden. Tesis sarjana saya berkisar tentang perlambangan dalam pemuisian Paul Celan dan Georg Trakl.

Celan diangkat sebagai salah seorang penyair berbahasa Jerman pasca Perang Dunia Kedua yang terpenting, namun pada tahun 1970, beliau mengambil nyawanya sendiri di Sungai Seine di Paris. Sememangnya, penyair Yahudi Rumania berbahasa ibunda Jerman ini begitu terluka oleh pelbagai peristiwa tragik yang menimpanya. Beliau kehilangan kedua-dua orang tua dan teman-temannya akibat Holokus; beliau juga kehilangan anak pertamanya hanya beberapa hari selepas anaknya itu dilahirkan.

Dalam sajak-sajaknya, Celan mengungkapkan *das Unsagbare*—yang tidak terkata dan tidak dapat didekati dengan bahasa lazim. Sajak-sajak Celan secara khusus menjawab segala pengalaman dan ingatan terhadap peristiwa Holokus. Dari jurang kebisuan yang ternganga akibat keganasan zaman Nazi, Celan hadir sebagai penyair utama yang mempersoalkan kuasa dan kewibawaan bahasa Jerman. Celan mencungkil-cungkil bahasa Jerman—bahasa orang yang telah mengambil nyawa kedua-dua ibubapanya. Celan menulis bukan dalam bahasa Jerman yang lazim, tetapi suatu bahasa yang telah “melalui ketidakberdayaan, terlepas daripada negeri pembisuan, melewati ribuan kelam gerabak kata-kata kematian.”

Bagi saya, Celan bukan sekadar penyair Holokus. Kata-kata Celan membongkar kejahatan dan kedujuan yang terjadi di dunia serta beban rasa bersalah akibat kemerdekaan agama, sejarah, atau eksistensial yang terus mengekor hidup manusia. Celan berbicara tentang kekejaman yang bersifat langsung dan sehala melalui bahasa yang berlapis dan sarat dengan perlambangan.

Di tangan Celan, puisi bukan sahaja muncul sebagai cermin kesengsaraan diri tetapi sebagai *Gegenwort*, kata lawan, yang melawan kekejaman sejarah, lebih-lebih lagi ketika agama dan teologi sudah kehilangan makna buat manusia. Namun, Celan sentiasa menyelami keberadaan

pasangan lawannya, sama ada secara niskala ataupun intim. Salah satu cara Celan memperlihatkan percanggahan dalam manusia dan sejarah adalah dengan menjalinkan hubungan antara benda, konsep, dan ciri yang jarang bersangkutan antara satu sama lain.

Salah satu sajaknya iaitu “Todesfuge” (Fuga Maut), yang diterbitkan pada tahun 1948, dianggap sebagai puisi bahasa Jerman yang terpenting dan paling menggugah pada zaman pasca-Perang Dunia Kedua. Sajak tersebut dibuka dengan kata benda dan kata sifat yang tidak kena antara satu sama lain: “Schwarze Milch der Frühe wir trinken sie abends” (Susu hitam fajar kami teguknya petang.) Dalam sajak ini, dunia menjadi songsang—yang putih menjadi hitam, penawar menjadi racun. Susu yang seharusnya mengalirkan kehidupan kini menakung maut; fajar yang memancarkan harapan kini tidak lebih daripada putaran gerak-geri manusia menunggu kematian.

Namun, bagi Celan, di saat kebinasaan sedang berlangsung, hanya bahasa yang kekal dan dapat merawat teras diri seseorang yang sudah hampir hilang segala maknanya. Kata Celan: “Hanya satu yang masih dapat disentuh, yang kekal rapat dan selamat dalam segala kehilangan ini: bahasa. Ya, bahasa. Ia kekal kukuh melawan kehilangan”. Bahasa ibunda Celan sendiri adalah bahasa mereka yang menindasnya. Dalam paradoks ini Celan membentuk bahasa pemuisiannya yang tersendiri, yang tidak pernah ada dalam sastera Jerman sebelum ini—biarpun Celan juga terpengaruh dengan penyair seperti Hölderlin, Rilke, dan Trakl. Bagi Celan, apa sahaja yang tidak dapat dilupakan perlu dituturkan, sebagai saksi, demi mengembalikan bahasa dan ingatan.

Di penghujung hayatnya, puisi Celan menjadi semakin ringkas, hampir menyamai fragmen. Bak serpihan kenangan, tiada matlamat naratif, dan seringkali tanpa judul, sajak-sajak ini ditapis melalui waktu dan pengalaman, diwarnai oleh kelupaan, dan apa yang tak terpadam dari batin. Cinta dan kehilangan, kerinduan dan kehampaan hadir, tetapi tiada satupun yang menguraikan enigma puisi-puisi terakhir Celan. Makna tidak akan ditemui dengan hanya mencari dan memahami; ia muncul, tak terasa, lalu pudar buat seketika:

*In den Flüssen nördlich der Zukunft  
werf ich das Netz aus, das du  
zögernd beschwerst  
mit von Steinen geschriebenen  
Schatten.*

Ke sungai di utara masa depan  
ku tebarkan jala yang kau  
bebankan, ragu,  
dengan bayang tulisan  
batu.

Lebih kurang sepuluh tahun lalu, setelah yakin dengan keupayaan bahasa Jerman saya, saya mengambil keputusan untuk menterjemahkan sendiri puisi-puisi Celan ke dalam bahasa kedua saya, bahasa Melayu. Ketika sedang menterjemahkan puisi Celan, saya bermimpi: mengembara bersama Celan menaiki perahu menyusuri sebatang sungai. Di dalam mimpi tersebut, Celan berdiri di haluan dan menoleh ke belakang untuk melihat saya, seolah-olah untuk memastikan saya masih di situ. Kami tidak berbalas kata, tetapi saya mengerti apa yang dia perkatakan.

Dalam mimpi saya, Celan adalah seorang nakhoda feri, membawa saya menyeberangi perairan gelap, antara pesisir dan tujuan yang tidak pernah kami sampai. Siapa yang membawa Celan melalui kehidupan? Celan mengemudi ferinya sendiri—saat dunianya yang perlahan-lahan retak itu akhirnya hancur, dia membawa dirinya ke seberang kematian.

Dalam bahasa Jerman, istilah untuk kata terjemahan adalah *Übersetzung* yang bermaksud “membawa ke seberang”. Ia adalah gabungan kata sendi nama *über* (ke atas, ke seberang) dan kata kerja *setzen* (meletak). Barangkali, menterjemah puisi Celan adalah cara saya membawanya ke bahasa dan topografi baru, yang mungkin menjadi sebahagian daripada kehidupan akhirat sasteranya. Saya tidak ingin menterjemahkan kata-kata Celan semata-mata; saya ingin membawa Celan masuk ke dalam bahasa Melayu, mengalami apa yang disifatkannya sebagai *Atemwende*—putaran nafas tempat terbentuknya kesunyian dalam kata-kata, tempat kata-kata melampaui batasan bahasa lalu terjelma sebagai puisi.

Proses menterjemah Celan membolehkan saya meneroka potensi puitis kedua-dua bahasa Jerman dan Melayu. Ia telah menjadikan saya lebih peka dengan kehalusan, kepelbagaiannya, dan kelembutan bahasa Melayu. Bahasa Jerman Celan tidak konvensional sama sekali: ia adalah *Gegenwort* (kata balas) yang menentang kedaulatan makna dan *Gegentakt* (rentak lawan) terhadap batasan bahasa itu sendiri. Bahasa Jerman Celan yang luar biasa menyeru saya agar menterjemah puisinya ke dalam bahasa Melayu yang tidak konvensional—tugas yang saya sambut dengan gembira biarpun gentar.

Dalam puisi Celan, pengalaman Holokus bukanlah kekejaman niskala, ia dirasai dalam tubuh mereka yang dimusnahkan dan mereka yang terselamat. Kehadiran tubuh dalam sajak Celan menjadi lebih bernyawa dalam kesuburan tropika bahasa Melayu.

Salah satu aspek yang paling menarik dalam puisi Celan—yang menjadi lebih jelas kepada saya dalam proses terjemahan—adalah semangat erotisnya. Semangat ini bukan sahaja terkesan dalam puisi cinta gelap seperti “Corona”, namun juga terkubur dalam sajak-sajaknya yang paling sunyi. Hal ini meletakkan Celan sebagai pewaris tradisi *Liebestod* (cinta dan kematian) dalam sastera Jerman. Barangkali ia tidak sepenuhnya mengejutkan. Lagipun, semangat erotis merupakan rahsia kehidupan yang paling sakti—melintasi ambang antara diri dan orang lain, “Gegenwort” terakhir melawan kematian dan lupa.

Mataku menjalar ke kelamin kekasih:  
kita bertentang mata,  
berbisik kata kelam,  
kita berasmara bak candu dan kenangan,  
kita lena bagi wain dalam cengkerang,  
bagai laut berkilau darah bulan.

Sesungguhnya, sepanjang sepuluh tahun saya menterjemah puisi Celan ini, saya semakin intim dengan jiwnya yang luka, hampir dengan suatu tarikan erotis. Ada kalanya saya seolah-olah ingin membisikkan Celan kata-kata yang pernah dituliskan oleh kekasihnya, Ingeborg Bachmann, pada tahun 1949 dalam sepuak surat (yang tidak pernah dikirimkan): “Kau sentiasa di

fikiranku, aku asyik merenungmu, berbicara kepadamu,  
mendukung kepalamu yang aneh dan gelap, aku ingin  
mengusir batu-batu dari dadamu, membebaskan tanganmu  
dengan bunga teluki, mendengar kau berdendang.”  
Barangkali benar, saya tergoda oleh penyair kelam yang  
bernama Paul Celan.



Pauline Fan merupakan seorang penulis dan penterjemah. Artikel ini adalah saduran daripada Nota Penterjemah buku Luka Kenangan, sebuah buku terjemahan puisi Paul Celan yang diterbitkan oleh Penerbit Kala dengan sokongan Goethe-Institut. Buku ini boleh didapati di kedai buku Riwayat, Kuala Lumpur.